



Shahab Terima Anugerah Kepujian Akademik Iran



Shahab Abbaszadeh berjaya menerima anugerah kepujian akademik daripada Research Counselor Office of Islamic Republic of Iran in South Pacific of Asia 2007-2008 baru-baru ini.

SERDANG, 20 April – Pelajar program Doktor Falsafah (PhD) Senibina Universiti Putra Malaysia (UPM), Shahab Abbaszadeh berjaya menerima anugerah kepujian akademik daripada Research Counselor Office of Islamic Republic of Iran in South Pacific of Asia 2007-2008 baru-baru ini.

Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pengajian Siswazah dan Pengantarabangsaan) Fakulti Rekabentuk dan Senibina UPM, Prof. Madya Dr. Rahinah Ibrahim berkata pelajar tersebut terpilih kerana kepentingan kajiannya mengenai latacara penerapan sosio-budaya Parsi dalam pembangunan perumahan bertingkat di Iran.

"Kaedah penyelidikan yang digunakan oleh Shahab ialah penyelidikan sequential mixed-method.

"Pembangunan teori dalam penyelidikan pengajian senibina yang dilakukan oleh Shahab adalah bentuk pengajian yang jarang dilakukan di dunia kerana risiko kegagalannya agak tinggi," katanya ketika dihubungi.

Dr. Rahinah berkata kajian itu memerlukan jangka masa panjang kerana pelajar perlu mahir dengan kaedah penyelidikan yang mampu menguasai kesuasasteraan dan penulisan teori mantap.

Sementara itu Research Counselor and Director for Iranian Student affairs South Pacific Asia, Dr. Vahid Ali berkata semenjak 2008, anugerah itu telah diberikan kepada penuntut Iran yang belajar di Asia Tenggara.

"Tujuan utama anugerah ialah untuk memberikan penghormatan kepada pelajar dan mendorong mereka berjaya dalam pengajian melalui pertandingan. Pertandingan terbuka kepada semua pelajar Iran yang belajar di rantau Asia Tenggara seperti Singapura, Filipina, Thailand, Indonesia, Jepun dan China," katanya.

Katanya Shahab terpilih kerana sumbangan projek pembangunan bandar Iran dan prestasi akademiknya yang cemerlang.

Sementara itu Shahab ketika ditemui berkata kejayaan yang diterimanya hasil kajian yang dilakukan selama dua tahun enam bulan.

"Penyelidikan ini adalah sangat sukar kerana saya perlu menguasai bentuk kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif yang berkesan bagi menjayakan projek," katanya.

Beliau berkata bantuan penyelia seperti Dr. Rahinah, Dr. Ar. Azizah, Dr. Ahmad Hariza dan Mohd. Nasir dari UPM banyak memberi sokongan kepadanya untuk meneruskan penyelidikan yang merupakan tesis bagi tujuan vva.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.